

B. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Saya dan keluarga akan pindah Sarawak pada hujung tahun ini.
A dipindah ke Sarawak di C berpindah ke Sarawak pada
B berpindah ke Sarawak di D pindah Sarawak pada
2. Kebanyakan peserta tidak setuju oleh cadangan yang dikemukakan dalam mesyuarat tadi.
A setuju dengan C bersetuju dengan
B bersetuju pada D setuju oleh
3. Pemuda cacat itu miskin tetapi tidak pernah mengharapkan bantuan dari mana pihak.
A daripada mana-mana C dari mana-mana
B daripada mana D dari mana
4. Rasa cinta terhadap negara tidak pernah pudar di dalam kehidupannya selama ini.
A cinta akan ... dalam C cinta tentang ... dalam
B cintakan ... dalam D cinta terhadap ... di dalam
5. Kejayaan kita selama ini adalah di atas kesungguhan dan hubungan erat di antara satu sama lain.
A atas ... antara C atas ... di antara
B di atas ... antara D di atas ... di antara
6. Dia telah menggantung lukisan itu di dinding biliknya sejak dari sebulan yang lalu.
A di dinding ... sejak C pada dinding ... sejak
B pada dinding ... dari D di dinding ... sejak dari
7. Beliau sanggup berjuang hingga ke akhir hayatnya demi untuk mempertahankan negara.
A hingga ... demi C hingga ... demi untuk
B hingga ke ... demi D hingga ke ... demi untuk
8. Beliau selalu memperkatakan tentang masalah belia dalam setiap ucapan.
A memperkatakan ... dalam setiap C memperkata tentang ... di dalam tiap-tiap
B memperkatakan ... dalam tiap D memperkatakan tentang ... dalam setiap
9. Para penonton memberikan tepukan gemuruh atas persembahan hebat pasukan itu di atas pentas.
A di atas ... atas C atas ... atas
B di atas ... di atas D atas ... di atas
10. Kami meredah hutan berpanduan pada peta agar tidak tersesat dalam hutan tebal itu.
A berpanduan ... di dalam C berpanduan pada ... di dalam
B berpandu pada ... dalam D berpanduan pada ... dalam